

KEPUTUSAN MAHKAMAH

UM 6 FEB 1988

TAK SEKALI² DAPAT

BUNUH SEMANGAT

e MELAYU DOKONG UMNO

KUALA LUMPUR 5 Feb.

— Keputusan Mahkamah Tinggi mengisytiharkan UMNO pertubuhan haram tidak sekali - kali membunuh semangat orang - orang Melayu yang mendokongnya, tegas Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad.

"Namanya boleh dipadam, ia boleh dipanggil dengan nama lain, tapi tiada siapa dapat mematahkan semangatnya," tegas beliau.

Semangat inilah, ujar Datuk Sri Dr. Mahathir, yang akan menegakkan semula UMNO dan menjadikan masalah teknik yang dihadapi tidak penting lagi.

"Semangat inilah juga yang akan menyinarakan masa depannya," ujar beliau. Bercakap dalam sidang akhbar di Jabatan Perdana Menteri tengah hari ini, Datuk Sri Dr. Mahathir berkata, beliau sedikitpun tidak merasa malu dengan apa yang telah terjadi kerana soal pendaftaran hanyalah masalah teknikal semata - mata.

Selaku Perdana Menteri yang masih mendapat kepercayaan majoriti ahli-

ahli Parlimen, Datuk Sri Dr. Mahathir menyeru rakyat supaya bertenang kerana negara bukannya menghadapi satu krisis.

"Kami akan menerangkan kepada rakyat apa yang telah berlaku. Walaupun mereka mungkin keliru sedikit sekarang, kami akan dapat membetulkan semua ini," ujar beliau.

Datuk Sri Dr. Mahathir menarik perhatian, ahli-ahli parti tahu bahawa masalah yang dihadapi oleh UMNO bukanlah sesuatu yang baru. "Dulupun ada kes macam ini, tapi tiada orang yang berniat buruk," ujarnya.

Beliau menegaskan, apa yang telah berlaku hendaklah menjadi satu pengajaran kepada semua parti politik tentang betapa perlunya membuat pilihan yang teliti bila menerima seseorang itu menjadi ahli parti masing - masing. Datuk Sri Dr. Mahathir berkata, apa yang berlaku sekarang berpunca daripada tindakan Kumpulan 11 orang ahli UMNO yang membawa masalah dalaman parti ke mahkamah.

"Akibat tindakan mereka,

UMNO sudah jadi haram.

Inilah kesan daripada tindakan yang diambil oleh mereka. Saya tak tahulah apa mereka nak buat sekarang," ujarnya.

Apa yang penting tegas Datuk Sri Dr. Mahathir, ialah UMNO masih percaya kepada kerajaan yang ada sekarang.

"Tunggulah, semuanya akan selesai."

Beliau juga menarik perhatian bahawa apa yang berlaku hari ini adalah akibat cita-cita dan impian besar sesetengah orang. "Setelah gagal mencapai impian mereka, mereka lebih suka membinasakannya."

Datuk Sri Dr. Mahathir berkata, UMNO mempunyai 1.4 juta ahli, 8,000 cawangan dan 140 bahagian dan sudah tentulah akan terlepas masuk ke dalamnya orang - orang yang tidak dikehendaki.

"Mereka yang kecewa kerana tidak dapat kedudukan yang mereka idamkan ingin memusnahkan apa yang mereka tidak dapat, itulah punca masalahnya," ujar beliau.